

20/06/1997

CRI tingkat taraf bahasa Melayu

Ibrahim Saad in Beijing

BEIJING, Khamis - Radio Antarabangsa China (CRI) yang meningkatkan perkhidmatan stesen bahasa Melayu selama dua jam sehari memberi perhatian kepada pembangunan Malaysia.

Pengarah merangkap ketua pengarang, Zhang Zhenhua, berkata CRI tertarik dengan corak pembangunan di Malaysia selain kelantangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan isu antarabangsa.

Jalinan kerjasama yang dimeterai antara CRI dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dapat memastikan penggunaan bahasa Melayu baku dan bermutu dapat digunakan radio itu, katanya kepada pemberita Malaysia di pejabatnya di sini selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara CRI dan DBP di sini hari ini.

Menurut beliau, melalui kerjasama itu, DBP menghantar seorang pakar bahasa, Zaiton Ismail, membantu 13 kakitangan CRI yang bertugas di stesen Bahasa Melayu bagi menjayakan program berkenaan.

(END)